

PEKELILING PEJABAT PENDAFTAR

Tarikh: 09hb Februari 2021

Bil. 01/2021

No. Ruj: PICOMS/PP/02/2021/001Jld. 2

PEMAKLUMAN

PENANGGUHAN LATIHAN KLINIKAL PELAJAR PROGRAM POST-BASIC RENAL (PBR) SUSULAN PELAKSANAAN PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN (PKP 2.0)

1.0 TUJUAN

Pekeliling ini bertujuan untuk memaklumkan berkaitan penangguhan latihan klinikal bagi pelajar program Post-Basic Renal (PBR), Kolej Universiti Antarabangsa PICOMS (PICOMS) dan pelajar dibenarkan untuk kembali berkhidmat di pejabat/premis masing-masing sehingga ke satu tarikh yang akan dimaklumkan.

2.0 LATAR BELAKANG

- 2.1 Merujuk kepada kenyataan sidang khas Majlis Keselamatan Negara (MKN), PKP 2.0 ini telah dilanjutkan selama dua minggu bermula 5 Februari sehingga 18 Februari 2021.
- 2.2 Sebagai makluman, Unit Latihan Hospital Kuala Lumpur (HKL) telah memaklumkan kepada pihak Fakulti Kejururawatan berkaitan kekangan untuk menguruskan penempatan pelajar di fasiliti kesihatan HKL sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan 2.0 dilaksanakan.
- 2.3 Oleh yang demikian, latihan klinikal ini adalah **ditangguhkan** dan kumpulan pelajar *Post-Basic Renal* (PBR) ambilan Oktober 2020 adalah **dibenarkan** untuk kembali bertugas di pejabat/premis masing-masing sehingga kebenaran untuk menjalani Latihan Klinikal dikeluarkan secara rasmi oleh Unit Latihan Hospital Kuala Lumpur.



3.0 TINDAKAN

- 3.1 Pekeliling Pendaftar Bil. 01/2021 ini berkuatkuasa serta merta pada tarikh pekelling ini dikeluarkan.
- 3.2 Pekeliling ini adalah terpakai kepada semua pelajar Post-Basic Renal Kolej Universiti Antarabangsa PICOMS.
- 3.3 Fakulti/Jabatan/Unit yang terlibat adalah bertanggungjawab untuk memaklumkan arahan seperti yang tertakluk dalam pekelling ini kepada pelajar.

Sekian, harap maklum. Terima kasih

"KE ARAH KECEMERLANGAN HOLISTIK DALAM PENDIDIKAN & PENJAGAAN PESAKIT"



.....
NORITA BINTI HJ ARSHAD

Pendaftar

Tarikh: 09hb Februari 2021

s.k : Naib Canselor
: Jabatan Pendaftar
: Timbalan Naib Canselor (Akademik)
: Dekan Fakulti Kejururawatan